




**Lokasi 8 : PUSAT HEMODIALIS FITRA & REDARIAL RESOURCES**  
**Pengurus,**  
**Syed Abd Fatah Syed Kadir, Alumni 1998**

Alamat : A 43-A, Tingkat 1, Jalan Im 3/12, Bim Point,  
Bdr. Indera Mahkota, Kuantan, Pahang, 25200

Tel : 09 513-9477



Program Jejak Alumni Pantai Timur diakhiri dengan lawatan ke Bandar Indra Mahkota, Kuantan Pahang pada 28 November ke syarikat Redarial Resources Sdn Bhd dan Pusat Hemodialisis Fitra yang dimiliki ikon alumni usahawan berjaya, alumni **kelas 1998, Syed Abd Fatah Syed Kadir.**

Redarial Resources adalah merupakan syarikat yang dibangunkan sendiri oleh Syed Fattah sekitar tahun 2003 yang menyediakan perkhidmatan GENERAL CONSTRUCTION, GENERALTRADERS, GENERAL ENGINEERS yang mana telah menguruskan pelbagai projek mega antaranya bernilai rm2juta di sekitar Kuantan.

Selain itu, Syed Fatah memiliki Perniagaan Pusat Rawatan Hemodialisis Fitra yang kini mempunyai sebanyak 5 buah cawangan yang mana setiap cawangan mempunyai 10 hingga 12 mesin bagi rawatan pesakit buah pinggang.

Dalam pertemuan ini, pelbagai perkongsian dan juga kata inspirasi yang dikongsikan bersama team CARE.

Antara petikan motivasi yang dikongsikan dalam menjalani alam kerjaya sebagai usahawan adalah kita perlu sentiasa gigih berusaha dan sentiasa memanjatkan doa kepada illahi agar segala urusan dapat diselesaikan dengan lancar dengan izinnya.

